



MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

(www.mbpp.gov.my)

PENYEWAAN PREMIS MAJLIS NO. 46, JALAN CANTONMENT, PULAU PINANG



KEGUNAAN : Ruang Komersial

KELUASAN BANGUNAN : 2,875 kaki persegi

TARIKH IKLAN : 12 April 2021 (Hari Isnin)

TARIKH TUTUP : 26 April 2021 (Hari Isnin)

JAM : 11:00 Pagi

Bagi sesiapa yang berminat untuk menyewa premis-premis Majlis di atas, sila hubungi pegawai-pegawai seperti berikut untuk borang permohonan dan maklumat lanjut :-

Puan Salliza / Cik Nur Zalifah/ En. Zaheed
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
Bahagian Pengurusan Harta
Tingkat 12, Komtar
10675, George Town, Pulau Pinang
Tel : 04-2592105/2592107

PENYEWAAN KEDAI MAJLIS NO. 46, JALAN CANTONMENT
PULAU PINANG

1. PENGENALAN

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mempunyai premis (kedai) di Jalan Cantonment untuk disewakan di alamat No. 46, Jalan Cantonment, Pulau Pinang dengan ini mempelawa pembida-pembida yang berminat untuk membida penyewaan premis tersebut.

2 SYARAT-SYARAT UTAMA PENYEWAAN

- i. Tempoh sewaan : berdasarkan kepada cadangan pembida;
- ii. Keluasan : 2,875 kaki persegi
- iii. Penyewa perlu membayar sewa 1 bulan secara pendahuluan dan deposit bersamaan sewaan 3 bulan ketika menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan dengan MBPP;
- iv. Aktiviti : Ruang Komersial sahaja;
- v. Penyewaan adalah berdasarkan kepada 'as is where is basis' dan segala kerja pemuliharaan, pembaikan dan penyelenggaraan akan ditanggung sepenuhnya oleh penyewa sendiri;
- vi. Harga Rizab Sewaan ke atas tawaran / bidaan ini adalah berdasarkan kepada cadangan pembida bersesuaian dengan tempoh sewaan yang akan dicadangkan.

3 SYARAT-SYARAT BIDAAN

- i. Bidaan adalah terbuka kepada individu dan syarikat perniagaan (pemohon perlu sertakan dokumen syarikat/pendaftaran perniagaan)
- ii. Tarikh mula bidaan : 12 April 2021
- iii. Tarikh lawatan tapak : 14 April 2021 (Tidak Wajib)
- iv. Tarikh tutup bidaan : 26 April 2021
- v. Bidaan yang dikemukakan hendaklah disertakan deposit bidaan dalam bentuk bank deraf dengan amaun yang bersamaan dengan 1 bulan sewaan kos bidaan.

- vi. Sekiranya pembida yang berjaya nanti gagal untuk menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan pada tarikh yang ditetapkan oleh MBPP atau menolak tawaran Majlis, maka deposit bidaan yang telah dikemukakan akan dilesapkan dan penyewaan itu akan diberikan kepada pihak lain mengikut budi bicara MBPP.
- vii. Pembida yang berminat boleh memperolehi Borang Permohonan di :-
 - a) Tingkat 12, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MBPP bermula jam 8.00 pagi sehingga jam 5.00 petang.
 - b) Laman web MBPP (www.mbpp.gov.my)
- viii. Borang yang telah diisi dengan harga tawaran sewaan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul kosong yang ditulis pada penjuru atas kiri sampul tersebut dengan 'Penyewaan Premis Majlis No. 46, Jalan Cantonment, Pulau Pinang'. Sampul ini kemudiannya, dimasukkan ke dalam kotak berkunci yang disediakan khas di Kaunter Tingkat 12, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MBPP, Pulau Pinang.
- ix. Pihak MBPP akan membuka premis Majlis ini untuk lawat periksa pada 14 April 2021 dari jam 10.00 pagi hingga 11.00 pagi.
- x. MBPP akan membuat pertimbangan ke atas bidaan yang dibuat dan Majlis akan menghubungi pembida yang berjaya sebaik sahaja keputusan dibuat.
- xi. Keputusan pihak MBPP di dalam pemilihan pembida yang berjaya adalah muktamad.

**SYARAT-SYARAT PENYEWAAN PREMIS MAJLIS NO. 46, JALAN CANTONMENT
PULAU PINANG**

Syarat-syarat Penyewaan

1. Bangunan berkenaan akan digunakan untuk tujuan ruang komersial sahaja.
2. Tempoh penyewaan adalah berdasarkan kepada cadangan pembida.
3. Tapak akan disewakan mengikut sedianya ('as is where is basis').
4. Penyewa perlu membayar deposit bersamaan 3 bulan ketika menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan dengan Majlis.
5. Penyewa tidak dibenarkan membuat sebarang pengubahsuaian/tambahan struktur di atas bangunan tersebut kecuali mendapat kebenaran pihak MBPP terlebih dahulu.
6. Penyewa dikehendaki mengambil polisi perlindungan yang melindungi MBPP dari sebarang kemalangan/kecelakaan berlaku.
7. Sebarang kerosakan akibat pemasangan peralatan ini akan ditanggungjawab sepenuhnya oleh penyewa.
8. Segala penyambungan bekalan elektrik, air dan lain-lain adalah ditanggung oleh penyewa tanpa sebarang tuntutan kepada pihak MBPP.
9. Apabila tamat tempoh sewaan, penyewa dikehendaki menyerahkan bangunan dalam keadaan asal dan baik dengan persetujuan MBPP.
10. MBPP berhak untuk menamatkan sewaan atau menarik balik kelulusan penyewaan bangunan sekiranya penyewa gagal mematuhi syarat-syarat penyewaan atau MBPP memerlukan tapak tersebut, tanpa sebarang bayaran gantirugi.

BORANG BIDAAN

**PENYEWAAN PREMIS MAJLIS NO. 46, JALAN CANTONMENT,
PULAU PINANG**

Saya _____

(Nama dalam huruf besar)

bagi pihak Individu/Syarikat _____

(Sekiranya syarikat)

dengan ini menawarkan untuk menyewa Premis Majlis No. 46, Jalan Cantonment, Pulau Pinang daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang tertakluk kepada semua syarat bidaan atas kadar sewaan :-

Ringgit Malaysia _____ sahaja
(RM _____ sebulan) untuk tempoh selama _____ tahun
dan dilampirkan bersama-sama ini deraf bank bertarikh _____ dan bernombor _____ sebagai bayaran bidaan (bersamaan 1 bulan kadar sewa) kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan dokumen syarikat/pendaftaran perniagaan.

.....Saya bercadang menggunakan premis MBPP ini untuk tujuan (sebutkan kegunaan) _____ . Bersama-sama ini juga disertakan pelan cadangan penggunaan ruang kedai dan kos pemuliharaan premis ini.

Sekiranya tawaran saya diterima, saya bersetuju untuk menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan dan menjelaskan bayaran sewaan dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam syarat Bidaan dan Surat Perjanjian Penyewaan.

Saya memperakui bahawa semua maklumat yang berkaitan dengan tawaran bidaan ini adalah benar dan sah. Saya memberi keizinan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang untuk meneliti dan mengkaji dengan lebih lanjut semua maklumat tersebut dengan pihak saya atau pihak-pihak lain yang berkaitan. Saya juga bersetuju untuk membekalkan maklumat-maklumat tambahan yang berkaitan dengan bidaan ini sekiranya diminta oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

Tandatangan _____

Nama _____

(Huruf Besar)

No. K.P _____

Jawatan dalam Syarikat _____

Nama Syarikat _____

No. Pendaftaran Syarikat _____

Alamat Berdaftar Syarikat _____

Alamat Surat Menyurat _____

(Sekiranya berlainan dengan _____

Alamat di atas) _____

No. Telefon : _____ No. H/phone _____ No. Fax : _____

Tarikh : _____

Disah Terima:

b.p Pengarah Penilaian & Pengurusan Harta
Majlis Bandaraya Pulau Pinang